



Tiong Lai meninjau kawasan tanah runtuh di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, semalam.
[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

Penghadang konkrit kurangkan risiko banjir

» *Pemasangan pada tebing elak sisa kayu, lumpur masuk ke lebuhraya*

Oleh Siti Azila Alias dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► **Bentong**

Syarikat konsesi lebuhraya, ANIH Berhad, akan memasang penghadang konkrit sepanjang 300 meter pada tebing laluan di Kilometer 52.4 Lebuhraya

Kuala Lumpur-Karak arah Kuala Lumpur yang terjejas akibat banjir lumpur pada Rabu lalu. Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Ir Ismail Md Salleh, berkata pemasangan penghadang itu bertujuan mengurangkan risiko banjir susulan, sekiranya hujan lebat, selain memastikan laluan itu selamat kepada pengguna. Beliau berkata, kerja pemasangan dimulakan petang semalam dan dijangka mengambil masa kira-kira 24 jam untuk disiapkan. "Pembersihan longkang dilakukan terlebih dahulu sebelum penghadang dipasang bagi mengelak ia tersumbat dan dapat mengalirkan air dengan sempurna. Selain itu, kita turut mengalihkan bongkah batu dari kawasan

cerun. "Penghadang ini disusun sepanjang kawasan terjejas kira-kira 300 meter, sekali gus menjadi benteng pertahanan bagi meminimumkan risiko sisa kayu dan lumpur daripada memasuki kawasan lebuhraya sekiranya berlaku hujan lebat," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di lokasi kejadian di sini, semalam. **LLM pernah bina tembok** Ismail berkata, pihaknya pernah membina tembok di kawasan cerun berkenaan pada tahun 2004 tetapi banjir Rabu lalu meruntuhkan penghadang itu berikutan aliran air yang terlalu deras dengan membawa bersama serpihan kayu serta batu.



Kerja pembersihan jalan masih dijalankan di sekitar kawasan tanah runtuh.
[FOTO GHAZALI KORI/BH]



Pembersihan longkang dilakukan sebelum penghadang dipasang.

"Tinjauan oleh perunding yang dilantik, mendapati punca hakisan berlaku 1.5 kilometer dari kawasan seliaan kami. "Kawasan di sini berbukit dan membabitkan banyak pihak. Pihak konsesi hanya boleh mengambil tindakan dalam lingkungan kawasan seliaan kami saja," katanya. Ismail berkata, pihaknya mengesan sekurang-kurangnya lima runtuhan kecil sepanjang

lebuhraya berkenaan dan mengambil tindakan segera membaikinya. Katanya, syarikat konsesi lebuhraya berkenaan turut melakukan pemantauan setiap empat bulan dalam memastikan keselamatan di sepanjang laluan itu. "Laluan lebuhraya sepanjang 20 kilometer (km) ini akan terus ditutup kepada semua kenderaan sehingga kerja pembaikan selesai," katanya.